

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 28 SEPTEMBER 2022  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 25

### Bajet 2023 dijangka kekal belanjawan mengembang

## Bajet 2023 dijangka kekal belanjawan mengembang

**Bajet 2023** dijangka belanjawan mengembang dengan perbelanjaan berpaksikan rakyat dan mencapai matlamat Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) dari segi kelestarian dan pendigitalan, kata penganalisis Bank Dunia.

Namun begitu, ada beberapa faktor yang akan mengekang perbelanjaan yang lebih tinggi dalam belanjawan tahunan itu memandangkan situasi ekonomi yang berbeza dijangkakan pada tahun depan.

Ketua Ahli Ekonomi Bank Dunia bagi Malaysia, Apurva Sanghi, berkata pihaknya menjangkakan bajet mengembang berikutan menjelangnya pelaksanaan Pilihan Raya Umum (PRU), pemilihan yang tidak sekata dalam segmen tertentu dan keper-

luan peruntukan untuk bencana alam seperti banjir.

Beliau berkata, Bajet 2023 juga dijangka memberi perhatian dalam pendidikan dan penjagaan kesihatan.

#### Galak pendigitalan

Tambahnya, peruntukan juga akan diberi perhatian untuk menggalakkan penggunaan pendigitalan dalam kalangan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) untuk mencapai matlamat yang ditetapkan dalam RMKe-12.

Namun begitu, katanya, ruang fiskal yang terhad dan jangkaan

ekonomi global yang tidak menentu tahun depan akan mengekang peruntukan yang lebih tinggi dalam Bajet 2023.

"Kami menjangkakan bajet (2023) adalah mengembang, namun tidak sebanyak tahun sebelumnya memandangkan situasi ekonomi yang berbeza," katanya pada sidang media maya mengulas mengenai jangkaan terkini ekonomi Malaysia bagi 2022 dan 2023, semalam.

Mengulas kemungkinan pelaburan langsung asing (FDI), Sanghi berkata, Malaysia perlu mempunyai rangka kerja galakan pelaburan

yang padu untuk melonjakkan FDI ke negara ini.

Beliau berkata, rangka kerja itu bukan saja menarik pelaburan, malah mengambil kira penyampaian perkhidmatan merentasi kitaran pelabur.

Tambahnya, dengan peningkatan trend ke arah kelestarian dan pendigitalan, Malaysia juga perlu menarik pelaburan dalam segmen berkenaan.

Dalam pada itu, Sanghi berkata pelaksanaan semula Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) adalah bergantung kepada masa yang tepat.

Beliau berkata, persekitaran kadar faedah dan inflasi yang tinggi bukan masa yang sesuai untuk memperkenalkan semula GST.



Apurva Sanghi